

20 APR 2003

Diplomat-Khatib (Bergambar)/I  
DULU DIPLOMAT, KINI MENERAJUI HOSPITAL

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Selepas 38 tahun berkhidmat sebagai diplomat, Tan Sri Khatib Abdul Hamid bersara pada 2001 dengan impian untuk menjalani kehidupan dengan tenang dan menghabiskan lebih banyak masa dengan anak-anak dan cucunya.

Namun tanpa disangkanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun lepas telah melantiknya untuk mengetuai dua institusi utama, pengerusi Institut Jantung Negara (IJN) dan Universiti Malaya, universiti pertama negara yang kini berusia 40 tahun.

"Daripada seorang diplomat, saya kini menguruskan dua buah hospital sekaligus", kata Khatib dalam satu temu bual dengan Bernama.

IJN merupakan hospital jantung terulung negara manakala universiti berkenaan yang turut mentadbir Pusat Perubatan Universiti Malaya, sebelum ini dikenali sebagai Hospital Universiti, merupakan sebuah daripada hospital terbesar negara.

Pada sambutan ulangtahun ke-10 IJN, Dr Mahathir memberitahu Khatib agar terus berusaha memastikan hospital jantung itu memberikan khidmat kepada golongan memerlukan yang tidak berkemampuan, objektif utama bagi penubuhan hospital itu.

IJN boleh dikatakan merupakan satu daripada institusi yang paling dekat di hati Dr Mahathir. Ia ditubuhkan sebagai sebuah hospital berasingan untuk mengambil alih Unit Koronari, Hospital Kuala Lumpur di mana perdana menteri sendiri pernah menjalani pembedahan pintasan jantung pada 1989.

Berucap pada majlis sambutan ulangtahun IJN itu, Dr Mahathir menyentuh perasaan setiap orang apabila beliau menyatakan yang dirinya terhutang nyawa kepada IJN, yang ketua pegawai eksekutifnya sekarang, Datuk Dr Yahya Awang, merupakan ketua pakar bedah yang melakukan pembedahan ke atas Dr Mahathir.

Bagi Khatib, dalam tempoh 10 tahun beliau bertugas sebagai Duta Malaysia ke Jepun sehingga 1999, beliau berpeluang mengenali Dr Mahathir dengan lebih dekat daripada kebanyakan rakannya yang berkhidmat sebagai diplomat di negara-negara lain.

Jepun merupakan sebuah negara asing yang lebih banyak dilawati oleh Dr Mahathir berbanding negara lain dan menurut Khatib, perdana menteri adalah yang telah bertanggungjawab melakukan "penembusan" dalam cara Jepun melihat hubungannya dengan keseluruhan Asia.

"Selepas perang, orang Jepun berpendapat orang Asia marah dengan mereka kerana perang dan kini datang seorang pemimpin (Dr Mahathir) yang berkata, lupakan apa yang anda telah lakukan ketika perang, fikirkan masa sekarang. Lupakan dan anda tunjukkannya dengan menyumbang kepada Asia dan penyertaan anda di Asia", kata Khatib.

Dan pihak Jepun memberikan maklum balas dengan melabur secara besar-besaran di Malaysia dan tempat lain di rantau itu.

Tetapi menurut Khatib, di bawah "Dasar Pandang Ke Timur" yang diilhamkan Dr Mahathir, di mana rakyat Malaysia telah digesa belajar dari Jepun, terutamanya dalam etika kerja, semangat keusahawanan mereka dan azam mereka untuk mencapai kesempurnaan, yang "telah benar-benar memenangi hati rakyat Jepun".

"Hakikat bahawa kita menghantar beribu pelajar kita ke sana turut memenangi hati orang Jepun. Dr Mahathir merupakan tokoh yang dikenali oleh malahan kebanyakan rakyat Jepun sendiri. Pengiktirafan terhadap Dr Mahathir melebihi perdana-perdana menteri mereka sendiri," katanya.

Khatib, yang mengiringi perdana menteri semasa lawatan beliau ke seluruh Jepun dalam tempoh 10 tahun beliau berkhidmat sebagai duta, berkata Dr Mahathir merupakan tokoh yang tidak mementingkan protokol dan majlis sambutan.

"Beliau mahu belajar dan beliau belajar dengan cara menaiki kereta api awam, tiada koc khas. Kami pergi dengan bas, melalui jalan bawah tanah, berjalan kaki, tiada protokol".

Sebuah lagi negara yang Khatib akui turut disukainya ialah Indonesia dan beliau menjadi duta di negara itu selama lima tahun sebelum ditugaskan ke Tokyo.

Dan beliau secara terus terang berkata bahawa beliau berasa amat sedih setiap kali beliau membaca laporan media mengenai rakyat Malaysia yang memberikan layanan buruk kepada rakyat Indonesia yang bekerja di negara ini.

"Kita perlukan pekerja Indonesia, namun pada masa yang sama kita melayani mereka dengan buruk. Ramai daripada mereka yang datang ke sini mungkin buruh murah tetapi mereka bukannya bodoh. Hakikat bahawa anda bayar gaji mereka tidak bermakna anda boleh memperlakukan mereka sesuka hati tanpa perikemanusiaan," katanya.

Khatib turut marah dengan sikap sesetengah rakyat Malaysia yang terlalu mementingkan kebendaan, sambil berkata bahawa bagi golongan berkenaan, semuanya dinilai dengan ringgit dan sen.

Dan katanya: "Masih lagi wujud nilai-nilai murni seperti itu dan sebab itu kenapa perdana menteri telah mengilhamkan dasar "Makmurkan Jiran Anda" dan setiap orang perlu beri perhatian kepada perkara itu".

"Apabila kita ambil pekerja Indonesia, kita juga menyumbang kepada kemakmuran mereka...pada masa yang sama mereka menyumbang kepada kemakmuran kita kerana kita tidak mempunyai cukup pekerja. Banyak daripada projek besar kita tidak akan siap tanpa pekerja Indonesia.

"Kini sesetengah daripada kita dengan angkuhnya berkata sekiranya pekerja Indonesia tidak mahu lagi datang, kita akan ambil pekerja dari Vietnam, China...apa semua ni? Pekerja Indonesia berbeza, mereka jiran kita dan mereka pekerja yang tekun," katanya.

Dan Khatib memberikan contoh sepotong ayat Al Quran yang menyatakan bahawa apabila membantu golongan yang memerlukan, orang Islam perlu mendahulukan jiran melebihi keluarga mereka sendiri.

"Masalah dengan sesetengah orang Malaysia ialah mereka terlalu angkuh dan menganggap diri mereka kaya tetapi jangan lupa bahawa ramai daripada kita yang tidak kaya. Saya sering katakan bahawa kita tidak boleh memilih jiran kita dan kita sepatutnya hidup bersama-sama dengan jiran kita.

"Kita tidak akan sentiasa kaya, siapa boleh pastikan yang kita akan sentiasa kaya? Sekarang lihat saja bahawa ramai daripada siswazah kita yang menganggur," katanya.

Khatib berkata beliau berharap dapat melakukan perubahan bagi IJN dan Universiti Malaya (UM) menerusi falsafah yang telah menjadi pegangannya iaitu melakukan yang terbaik dalam apa jua perkara yang dilakukannya.

Beliau juga telah mengumumkan rancangan untuk menambah 200 katil lagi bagi mengurangkan kesesakan di IJN yang kini mempunyai 250 katil di bawah projek RM200 juta yang juga bertujuan menjadikannya sebagai sebuah daripada hospital jantung terbaik di dunia.

Dan beliau mahu Universiti Malaya, yang juga merupakan tempat beliau melanjutkan pelajaran, untuk terus diiktiraf sebagai universiti terulung di negara ini.

"Kerajaan telah melahirkan kebimbangan mengenai kualiti lulusannya. Di UM, kebimbangan itu diakui semua orang dan kita mahu terus menjadi universiti terulung. Tetapi UM amat besar, ia mempunyai 30,000 pelajar dan ia sangat tua. Ia berusia 40 tahun".

Khatib berkata beliau sedar terdapat sebilangan mereka di universiti itu yang takutkan perubahan dan menurutnya sebenarnya mereka sendiri yang tidak mahu berubah dan dengan itu mereka cuba menyekat sebarang perubahan.

Perancangan beliau di universiti itu termasuk usaha menarik apa yang beliau sifatkan sebagai "minda antarabangsa".

"Pada masa yang sama satu suasana yang dapat menarik minda antarabangsa itu perlu diwujudkan, orang perlu berasa selesa untuk datang dan berkongsi minda dengan kampus yang bersuasana antarabangsa...bukan satu suasana yang terlalu keIslaman atau keMelayuan," kata Khatib.

Beliau berkata banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semula tahap pendidikan kerana ramai siswazah kini tidak berapa laku, sambil menambah beliau paling kluatir dengan siswazah Melayu yang kurang mahir berbahasa Inggeris.

"Mereka sukar mendapatkan pekerjaan, terutama dalam sektor swasta yang bahasa Inggeris digunakan dengan meluas. Ada yang mengatakan bahawa kita telah kehilangan satu generasi (yang mahir Inggeris)," katanya.

Mengenai Islam, Khatib berkata apa yang terjadi di pusat dunia Islam iaitu negara-negara Arab, adalah sesuatu yang menyedihkan semua umat Islam.

"Mereka tidak dapat bersatu...dan ada negara Arab yang menempatkan pangkalan tentera Amerika. Tanpa pertolongan orang Arab, Amerika tidak akan dapat melancarkan perang ke atas Iraq. Jika Kuwait tidak membenarkan AS masuk, jika pusat operasi tidak berada di Qatar, perang tidak dapat dilancarkan...mereka tidak akan melancarkan perang dari Amerika,"katanya.

Khatib berkata umat Islam di Malaysia perlu menjadikan perang Iraq sebagai satu pengajaran iaitu mereka jangan sesekali berpecah-belah.

Beliau juga menyifatkan tugasnya di dua buah hospital itu sebagai menunaikan amal jariah semasa tua dan berkata hanya beberapa hari lepas, beliau telah melupuskan hutang beberapa pesakit miskin di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Menurut Khatib lagi, antara aktiviti harian yang paling digemarinya sejak balik ke tanah air selepas berkhidmat 40 tahun sebagai diplomat ialah menghantar dan mengambil cucu perempuannya dari sekolah.

"Maafkan saya, kita terpaksa berhenti di sini kerana saya perlu mengambil cucu saya balik dari sekolah," kata 'atuk' berumur 65 tahun itu.

-- BERNAMA

AU AU MOZ RHM